UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

# HIS 404 Kajian Ayat-Ayat Hukum

Masa: [3 jam]

---

**Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA(5) soalan dalam LIMA(5) muka surat.**

**ARAHAN**

-- Jawab TIGA(3) soalan, DUA(2) soalan daripada **Bahagian A** dan SATU(1) soalan daripada Bahagian B. **Bahagian B** ditulis pada kertas yang berasingan.

-- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

-- Hormati kertas ini kerana ia mengandungi ayat-ayat al-Quran.

-- Sebelum menjawab fahamkan dulu soalannya baik-baik.

-- Tulisan hendaklah bersih dan kemas.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) soalan**

1. يُوصيكم الله في أولادكم للذكر مثل حظ الأنثيين فإن كن نسآء فوق اثنتين فلهن ثلثا
ماترك وإن كانت واحدة فلها النصف ولأبويه لكل واحد منهما السدس مما ترك إن
كان له ولد فإن لم يكن له ولد وورثه أبواه فلأمه الثلث فإن كان له إخوة فلأمه
السدس من بعد وصية يوصي بها أو دين آباؤكم وأبناؤكم لاتدرون أيهم أقرب لكم
نفعا فريضة من الله إن الله كان عليما حكيما(١١)

(a) Terjemahkan ayat ini ke dalam bahasa Malaysia yang baik.

(b) Dari ayat ini difahamkan bahawa hukum pusaka Islam menganut sistem bilateral (parental). Terangkan.

../2

(c) Ayat ini antara lain menyebut bahagian pusaka seorang anak perempuan dan bahagian pusaka lebih daripada dua orang anak perempuan. Bahagian dua orang anak perempuan tidak disebut. Terangkan perbezaan pendapat para mujtahid mengenai bahagian pusaka dua orang anak perempuan. Terangkan juga petunjuk yang menyokong pendapat jumhur.

(d) Kisahkan sebab turun ayat ini.

(e) Kes: Seorang mati meninggalkan dua orang anak perempuan, suami dan ibu. Anda dikehendaki membuat pembahagian masing-masing; andaikata pembahagian itu menimbulkan masalah, anda diminta menyelesaikannya.

2. ولكم نصف ماترك أزواجكم إن لم يكن لهن ولد فإن كان لهن ولد فلكم الربع مما
تركن من بعد وصية يوصين بها أو دين ولهن الربع مماتركتم إن لم يكن لكم ولد
فإن كان لكم ولد فلهن الثمن مما تركتم من بعد وصية توصون بها أو دين وإن كان
رجل يورث كلالة أوامرأة وله أخ أو أخت فلكل واحد منهما السدس فإن كانوا أكثر
من ذالك فهم شركآء في الثلث من بعد وصية يوصي بها أودين غير مضار وصية من
الله والله عليم حليم (١٢)

(a) Terjemahkan ayat ini ke dalam bahasa Malaysia yang baik.

(b) Apakah makna "kalālat" mengikut pendapat golongan terbesar mujtahid, dan apa pula mengikut pendapat sebahagian orang? Sebutkan juga petunjuk yang menyokong pendapat "sebahagian orang" itu.

(c) Sebelum harta pusaka dibagi kepada ahli waris yang berhak, apa-apakah yang mesti dibayar dahulu daripada harta pusaka itu?

(d) Kes: Seorang mati meninggalkan suami, ibu, dua orang saudara seibu dan seorang saudara lelaki seibu sebapa. Keputusan apakah yang telah diambil oleh 'Umar ibn Al-Khattab berkenaan dengan masalah ini? Bagaimana pula keputusan 'Ali ibn Abi Talib? Sebutkan juga alasan masing-masing. Jelaskan pula kecenderungan anda, dengan alasannya sekali.

(e) Kes: Seorang mati meninggalkan seorang isteri, seorang saudara perempuan seibu sebapa dan seorang saudara perempuan seibu. Anda diminta menyelesaikan kes ini.

3. ياأيهاالذين آمنوا كتب عليكم القصاص في القتلي الحر بالحر والعبد بالعبد والأنثي بالأنثي فمن عفي له من أخيه شيء فاتباع بالمعروف وأدآء اليه بإحسان ذالك تخفيف من ربكم ورحمة فمن اعتدي بعد ذالك فله عذاب أليم (١٧٨) ولكم في القصاص حياة يآؤلي الألباب لعلكم تتقون (١٧٩)

(a) Terjemahkan ayat-ayat ini ke dalam bahasa Malaysia yang baik.

(b) Terangkan maksud ولكم في القصاص حياة

(c) Mengikut pendapat Imam Abu Hanifah hukuman apakah yang dapat dijatuhkan ke atas orang merdeka dengan sengaja membunuh hamba, dan ke atas orang muslim yang dengan sengaja membunuh orang yang bukan muslim? Hujah apakah yang beliau kemukakan?

(d) Terangkan juga kemungkinan hukuman lain daripada qisas terhadap orang yang melakukan pembunuhan dengan sengaja dan bagaimana alternatif itu dapat berlaku.

(e) Apa pulakah yang dimaksud dengan

فمن اعتدي بعد ذالك فله عذاب أليم

**BAHAGIAN B - Jawab SATU(1) soalan**

4. Firman Allah s.w.t. **<u>surah</u>** **<u>al-Maidah</u>** Ayat I

يآأيها الذين آمنوا أوفوا بالعقود

(a) Berikan pengertian **<u>'aqd</u>** dari segi bahasa dan istilah.

(b) Terdapat beberapa pendapat ulamak tafsir tentang maksud **<u>al-'Uqud</u>** di dalam ayat di atas, bincangkan secara terperinci dan terangkan yang **<u>rajih</u>** daripadanya dengan alasan-alasan yang diberikan.

.../4

(c) Berdasarkan maksud ayat di atas dan ayat 177 <u>**surah al-Baqarah**</u> والموفون بعهدهم اذا عاهدوا jelaskan perbezaan di antara <u>'aqd</u> dan <u>'ahd</u>.

(d) Firman Allah s.w.t.:

i. <u>**Surah al-Nahl**</u> 91 والموفون بعهدهم اذا عاهدتم

ii. <u>**Surah al-Isra'**</u> 34 وأوفوا بالعهد إن العهد كان مسؤلا

iii. <u>**Surah al-Maidah**</u> 1 يآأيهاالذين آمنوا أوفوا بالعقود

Berdasarkan maksud ayat-ayat di atas, sila terangkan hukum <u>'aqd</u> di dalam Islam.

5. Firman allah s.w.t.:

(a) <u>**Surah al-'Imran**</u> ayat 130

يآأيها الذين آمنوا لا تأكلوا الربا أضعافا مضاعفة واتقوا الله لعلكم تفلحون

(b) <u>**Surah al-Rum**</u> ayat 39

وماآتيتم من ربا ليربو في أموال الناس فلايربوا عند الله وماآتيتم من زكاة

تريدون وجه الله فاؤلئك هم المضعفون *

(c) <u>**Surah al-Nisa**</u> ayat 161

فبظلم من الذين هادوا حرمنا عليهم طيبات أحلت لهم وبصدهم عن سبيل الله

كثيرا وأخذهم الربا وقد نهوا عنه وأكلهم أموال الناس بالباطل وأعتدنا للكافرين

منهم عذابا أليما *

(d) <u>**Surah al-Baqarah**</u> ayat 278

يآأيهاالذين آمنوا اتقوا الله وذروا مابقي من الربا إن كنتم مؤمنين * فإن لم

تفعلوا فأذنوا بحرب من الله ورسوله وإن تبتم فلكم رؤس أموالكم لاتظلمون

ولاتظلمون *

i. Berdasarkan ayat-ayat di atas, anda dikehendaki menyusun semula tahap-tahap pengharaman **riba** mengikut keronologi.

ii. Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Malaysia.

iii. Terangkan sebab **nuzul** ayat (d).

iv. Terangkan apa yang dapat difahamkan daripada ayat-ayat di atas.

-oooOOOooo-